


- 1 Apakah tujuan kerajaan membuat pilihan apabila mengeluarkan sesuatu keluaran?
- A Memaksimumkan keuntungan
  - B Mengurangkan masalah pembaziran
  - C Memaksimumkan kepuasan pengguna
  - D Memaksimumkan kebijakan masyarakat
- 2 Pernyataan yang manakah benar tentang faktor pengeluaran?
- A Modal merujuk kepada penawaran yang tidak terhad.
  - B Buruh merupakan individu yang menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan output
  - C Tanah merupakan sumber alam semula jadi yang digunakan bagi tujuan menghasilkan barang
  - D Usahawan adalah individu yang menyumbang tenaga fizikal dan mental dalam proses pengeluaran
- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan penyelesaian masalah asas ekonomi.

Syarikat Kasih Squad Sdn Bhd mengeluarkan pakaian sukan sebanyak 100 helai bagi memenuhi permintaan pasaran.

Apakah masalah asas ekonomi yang belum diselesaikan?

- I Apa yang hendak dikeluarkan
  - II Berapakah hendak dikeluarkan
  - III Bagaimana hendak dikeluarkan
  - IV Untuk siapa hendak dikeluarkan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 4 Pernyataan yang manakah merujuk kepada persamaan penyelesaian masalah asas ekonomi dalam sistem ekonomi campuran dan sistem ekonomi perancangan pusat?
- A Kaedah pengeluaran menggunakan jentera
  - B Barang kehendak dikeluarkan berdasarkan mekanisme harga
  - C Kerajaan memastikan barang keperluan mencukupi untuk rakyat
  - D Barang yang dikeluarkan mengikut agihan pendapatan
- 5 Antara berikut yang manakah akan mengurangkan permintaan terhadap pasaran ayam?
- A Harga ikan menurun
  - B Pendapatan individu meningkat
  - C Perubahan dalam teknologi penternakan
  - D Kerajaan menarik balik subsidi kepada penternak ayam
- 6 Keluk penawaran suatu barang beralih ke kanan disebabkan oleh?
- A Berlaku kenaikan faktor pengeluaran
  - B Harga dijangka naik pada masa hadapan
  - C Peningkatan tingkat teknologi
  - D Matlamat pengeluar untuk memaksimumkan untung.

7 Rajah 1 menunjukkan keseimbangan pasaran bagi barang ABC.



Apakah yang akan berlaku jika harga pasaran barang lebih tinggi dari RM10?

- A Lebihan permintaan
  - B Lebihan penawaran
  - C Harga tidak berubah
  - D Harga cenderung naik
- 8 Jika kerajaan mengetatkan syarat sewa beli kereta Alza, apakah yang akan berlaku?
- I Keluk penawaran kereta akan beralih ke kanan
  - II Kuantiti keseimbangan kereta meningkat
  - III Permintaan kereta akan menurun
  - IV Harga keseimbangan kereta menurun
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

9 Jadual 1 berikut menunjukkan harga dan kuantiti diminta suatu barang di pasaran.


Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
10	18
12	16

Jadual 1

Berapakah nilai keanjalan harga permintaan apabila harga berubah dari RM10 ke RM12?

- A 0.56
- B 1.33
- C 1.80
- D 2.50

10 Rajah 2 berkaitan dengan keanjalan harga permintaan.



Pernyataan yang manakah betul berkaitan dengan rajah tersebut?

- A Contoh barang adalah barang keperluan.
- B Pengguna responsif terhadap perubahan harga.
- C Apabila harga naik 10% kuantiti diminta turun 10%.
- D Nilai pekali keanjalan harga permintaan kurang daripada 1.

11 Jadual 2 di bawah ini menunjukkan hubungan antara harga dengan kuantiti yang ditawarkan.

Harga (RM)	Kuantiti ditawar (unit)
2	8
4	S

Jadual 2

Jika harga meningkat dari RM2 ke RM4, berapakah nilai S jika keanjalan harga penawaran barang tersebut ialah 0.5?

- A 10 unit
- B 12 unit
- C 16 unit
- D 24 unit

12 Apakah peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) selaku jurubank kepada bank perdagangan?

- A Menjaga rizab berkanun
- B Menyimpan dan mengurus akaun
- C Menguruskan kadar pertukaran asing
- D Menguruskan hutang bank perdagangan

13 Maklumat berikut berkaitan Syarikat Liyana Berhad.

Syarikat Liyana Berhad mempunyai hampir 5000 ribu tenaga kerja yang menjalankan tugas mengikut kepakaran masing-masing. Pada setiap bulan, semua pekerja akan menerima upah yang dimasukkan terus ke akaun mereka. Ini memudahkan mereka menerima upah pada masa yang telah ditetapkan.

Kemudahan manakah yang telah digunakan oleh majikan Syarikat Liyana Berhad?

- A Draf bank
- B Debit langsung
- C Pindahan kredit
- D Perintah sedia ada

**14** Pernyataan yang manakah betul berkaitan akaun semasa di bank perdagangan.

- A** Pulangan berkadar langsung dengan tempoh simpanan.
- B** Ada had maksimum dalam pengeluaran
- C** Mempunyai tempoh matang simpanan
- D** Dikenakan caj perkhidmatan.

**15** Maklumat yang berikut berkaitan dengan jenis pendapatan Encik Qayyum.

- Seorang pesara
  - Isteri tidak bekerja
  - Mengusahakan kedai runcit
  - Menerima pulangan daripada individu yang menggunakan tanahnya


Antara yang berikut, apakah jenis pendapatan produktif yang diterima oleh Encik Qayyum?

- I Upah
- II Untung
- III Sewa
- IV Pencen
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

**16** Antara berikut yang manakah merupakan kelebihan kaedah pembelian barang secara kredit?

- A** Pengguna akan membayar pada harga yang lebih rendah
- B** Berlaku peningkatan dalam taraf hidup pengguna
- C** Menggalakkan pengguna berbelanja melebihi pendapatan
- D** Pengguna menikmati diskaun harga yang lebih banyak

**17** Rajah 3 menunjukkan sebahagian langkah penyedian belanjawan peribadi.



Rajah 3

Apakah langkah X?

- A** Menabung baki pendapatan boleh guna
- B** Menyusun perbelanjaan mengikut keutamaan.
- C** Mengenal pasti punca pendapatan dan potongan wajib.
- D** Memastikan perbelanjaan tidak melebihi pendapatan boleh guna.

**18** Pernyataan manakah yang menerangkan fungsi pengeluaran jangka pendek?

- A** Input tetap tidak berubah walaupun output bertambah
- B** Input tetap berubah secara langsung dengan penambahan output
- C** Input tetap dengan input berubah tidak digunakan pada output sifar
- D** Input tetap dan input berubah akan ditambah untuk meningkatkan output

**19** Maklumat yang berikut berkaitan dengan sejenis kos pengeluaran.

- **Kos perlu ditanggung walaupun keluaran sifar**
- **Perubahan dalam keluaran tidak mempengaruhi kos ini**

Antara yang berikut, yang manakah merupakan contoh kos tersebut?

- I Pembelian bahan mentah
  - II perbelanjaan ke atas upah buruh
  - III Pembiayaan jentera dan mesin
  - IV Pembayaran premium insurans
- A** I dan II  
**B** I dan III  
**C** II dan IV  
**D** III dan IV

**20** Jadual 3 menunjukkan jumlah keluaran dan jumlah kos bagi firma Alexander Berhad.

<b>Jumlah keluaran (unit)</b>	20	26
<b>Jumlah kos (RM)</b>	6 000	6 400

Jadual 3

Berapakah kos sut pada keluaran ke 26?

- A** RM 66.66  
**B** RM 186.04  
**C** RM 195.34  
**D** RM 200.00

**21** Antara berikut, faktor yang manakah akan meningkatkan produktiviti?

- I Proses membuat keputusan yang rumit
  - II Prosedur kerja yang ringkas dan fleksibel
  - III Tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan
  - IV Persekitaran kerja yang sempit dan berbahaya
- A** I dan II  
**B** I dan IV  
**C** II dan III  
**D** III dan IV

**22** Apakah kesan pelaksanaan subsidi oleh kerajaan dalam mengawal selia eksternaliti negatif?

- A** Menggalakkan penggunaan teknik pengeluaran berasaskan teknologi hijau  
**B** Menempatkan secara khusus kawasan perindustrian di kawasan tertentu  
**C** Menetapkan harga yang lebih rendah daripada harga keseimbangan  
**D** Mengisytiharkan barang penggunaan sebagai barang kawalan

23 Maklumat di bawah menunjukkan keadaan sesebuah ekonomi.

Harga input bagi pengeluaran perabot telah meningkat sebanyak 7% menyebabkan harga perabot di pasaran juga meningkat sebanyak 10%.

Antara yang berikut, jenis inflasi manakah yang berkaitan?

- A Inflasi diimport
- B Inflasi tolakan kos
- C Inflasi bermusim
- D Inflasi tarikan permintaan

24 Situasi yang manakah **betul** berkaitan cukai langsung yang diterima kerajaan?

- A En. Azhar perlu membayar duti kerana membeli kenderaan yang diimport dari luar negara
- B Cik Masni perlu membelanjakan bayaran levi kerana menggunakan pembantu rumah dari Indonesia
- C En. Ali perlu membuat potongan bulanan kepada LHDN kerana gaji diterimanya melebihi nilai yang telah ditetapkan
- D En. Iskandar dikenakan denda oleh pihak berkuasa tempatan akibat tidak mempamerkan kupon tempat meletak kenderaan

25 Maklumat di bawah menunjukkan satu contoh komponen perbelanjaan pembangunan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membina rumah kediaman mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana seluruh negara.

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Sektor keselamatan
- B Sektor pentadbiran am
- C Sektor perkhidmatan sosial
- D Sektor perkhidmatan ekonomi

26 Bank Negara Malaysia menurunkan kadar rizab tunai bank perdagangan. Apakah kesan tindakan tersebut terhadap ekonomi negara?

- I Inflasi dapat dikawal
  - II Jumlah permintaan barang akan jatuh
  - III Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat
  - IV Penawaran wang dalam pasaran akan bertambah
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

27 Apakah faktor yang menggalakkan globalisasi?

- A Penambahan syarat permohonan visa
- B Infrastruktur pengangkutan yang kurang cekap
- C Peningkatan sekatan perdagangan antarabangsa
- D Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi

28 Antara berikut, yang manakah kebaikan sekatan perdagangan antarabangsa terhadap negara?

- I Peningkatan pelaburan asing
  - II Meningkatkan peluang pekerjaan
  - III Membolehkan industri muda berkembang dan bersaing
  - IV Menambah aliran wang ke luar negara
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

29 Maklumat berikut berkaitan dengan keadaan Akaun Semasa Malaysia.

Imbangan Akaun Semasa Malaysia catat defisit RM26.1 bilion pada suku ketiga 2020.

Pernyataan yang manakah betul tentang keadaan tersebut?

- A Nilai ringgit cenderung turun
- B Kuantiti import dari luar negara berkurang
- C Permintaan ringgit melebihi penawaran ringgit
- D Aliran masuk wang dari dalam negara bertambah

30 Maklumat di bawah berkaitan dengan perdagangan antarabangsa Malaysia.

Syarikat Putra Utama dari Malaysia menggunakan kapal terbang Garuda Indonesia untuk menghantar mesin ke China.

Antara yang berikut, yang manakah yang berkaitan dengan urusniaga tersebut?

- I Eksport barang nampak
  - II Eksport barang tak nampak
  - III Import barang nampak
  - IV Import barang tak Nampak
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

31 Apakah kesan kepada rakyat Malaysia apabila kerajaan mengenakan tarif ke atas barang import?

- A Harga barang import menjadi lebih murah
- B Permintaan barang import meningkat
- C Permintaan barang tempatan menurun
- D Harga barang tempatan relatif murah

32 Situasi yang manakah menyebabkan berlakunya permintaan terhadap Ringgit Malaysia?

- A Pelaburan syarikat Malaysia di Thailand
- B Ringgit Malaysia diramal meningkat
- C Pelajar melanjutkan pelajaran di New Zealand
- D Syarikat QC membeli mesin pengadun daripada negara Jepun

- 33** Jadual di bawah menunjukkan kadar pertukaran antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Amerika (USD).

Mata wang	Harga belian (RM)	Harga jualan (RM)
USD 1	3.9690	4.2860

Berapakah yang perlu dibayar oleh Encik Nasir jika beliau ingin membeli telefon pintar Iphone 12 yang berharga USD 999 melalui sebuah portal atas talian?

- A** RM 4281.71      **C** RM 251.70  
**B** RM 3965.03      **D** RM 233.08

*Pilihan jawapan bagi Soalan 34 hingga Soalan 40 berdasarkan jadual berikut.*

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Salah	Salah
D	Betul	Betul

- 34** I Barang kehendak diperlukan untuk meneruskan kehidupan.  
II Isi rumah merupakan unit ekonomi bermotifkan keuntungan.
- 35** I Apabila harga ayam naik menyebabkan permintaan terhadap daging akan naik kerana keduanya merupakan barang pengganti.  
II Hubungan antara harga dengan kuantiti diminta adalah positif
- 36** I Pengeluaran ialah proses menggabungkan faktor pengeluaran untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan.  
II Pengeluaran ialah suatu transformasi input kepada barang perantaraan atau barang akhir.
- 37** I Kemudahan menggunakan cek di beri kepada pemegang akaun simpanan.  
II Draf Bank digunakan sebagai pembayaran dalam urus niaga atas arahan Adaripada pihak bank.
- 38** I Inflasi merujuk kepada kenaikan harga barang dan perkhidmatan secara berterusan dalam pasaran.  
II Inflasi akan menyebabkan peningkatan daya saing barang tempatan di pasaran global.
- 39** I Belanjawan lebihan digunakan semasa negara mengalami masalah kemelesetan ekonomi.  
II Masalah lebihan stok barang berlaku semasa kemelesetan ekonomi.
- 40** I Barang pengguna diimport untuk kegunaan pengguna akhir.  
II Import barang nampak ialah barang nyata yang dibeli oleh rakyat asing daripada Malaysia.

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**